

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Sunday, April 16, 2017 12:33 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin
Subject: 2 PELAJAR CAS MENYERTAI SPRING SCHOOL PROGRAMME JEPUN



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia



16 APRIL 2017 | 19 REJAB 1438 H

=====

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Assalamualaikum & Salam Sejahtera.

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

2 PELAJAR CAS MENYERTAI *SPRING SCHOOL PROGRAMME: WALKING ALONG THE PATH OF JAPAN'S MODERN HISTORY, CULTURE & HERITAGE, AND CONTEMPORARY SOCIETY* DI JEPUN

PPA UUM CAS ONLINE: 2 orang pelajar daripada Pusat Pengajian Sains Quantitatif (SQS) dan Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC), College of Arts and Sciences (CAS) telah menyertai sebuah program iaitu *Spring School Programme: Walking Along The Path Of Japan's Modern History, Culture & Heritage, And Contemporary Society* yang telah berlangsung di Jepun. Program yang berjalan selama 11 hari ini telah bermula pada 13/3/2017 hingga 23/3/2017. Program ini bertujuan untuk menawarkan peluang yang unik kepada pelajar-pelajar ASEAN bagi mengkaji dan memberi pendedahan kepada mereka tentang kemodenan, sejarah, budaya dan warisan serta pembangunan masyarakat Jepun khususnya melalui pengembangan syarikat dan industri di negara empat musim ini. Program ini telah dianjurkan oleh *Japan's Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology (MEXT)* dan *Japan Services of Education (JASSO)* dengan kerjasama Chiba University dan juga *ASEAN University Network (AUN)*.



Program ini turut disertai oleh 30 delegasi lain yang terdiri daripada pelajar-pelajar dari negara-negara ASEAN seperti Cambodia, Indonesia, Laos, Malaysia, Philippines, Singapore and Thailand. Antara lokasi lawatan dalam program ini adalah Chiba, Tamachi, Onarimon, Yokohama, Tokyo, Gotemba, Izu Peninsula, Kamakura and Yokosuka. Di samping itu, program ini telah dibangunkan dengan menggunakan pelbagai komponen pembelajaran termasuklah kuliah, kumpulan seminar, refleksi sendiri, refleksi kumpulan dan pembelajaran jurnal.

Pelajar dari Universiti Utara Malaysia yang terlibat adalah Nur Amelia binti Mohd Kamal, pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Pemutusan dan Nur Natasha binti Abdul Aziz, pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains dan Teknologi Maklumat. Menurut Nur Amelia, program ini telah banyak memberi pengetahuan dan pengalaman baharu kepadanya terutama dalam menyesuaikan diri serta menerima perbezaan budaya di negara matahari terbit itu.



Menurutnya lagi, program ini telah memberi banyak pengalaman baharu kepadanya terutama sekali dalam melihat bagaimana masyarakat jepun sangat berdisiplin dalam menepati masa serta adab dan tingkah laku mereka yang sangat bagus. Tidak hairanlah jika Jepun dikatakan sebuah negara yang maju disebabkan masyarakatnya yang sangat berdisiplin kerana beliau sendiri telah merasainya ketika mengikuti program ini.



Di samping itu, Nur Amelia juga berkata program ini sangat memberi banyak manfaat kepadanya dan rakannya serta kepada negara. “Saya perlu menjadi contoh yang terbaik dan pemimpin kepada generasi masa hadapan”, katanya lagi.

Sekian dan harap maklum.

=====

Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.